

# **WACANA BUDAYA DAN SENI DALAM PUISI MELAYU MODEN OLEH PENYAIR NEGERI KELANTAN**

**(Cultural and Art Discourse in Modern Malay Poetry by  
Kelantanese Poets)**

*Norhayati Abdul Rahman*

yati@um.edu.my

Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya.

To cite this article (*Rujukan artikel ini*): Norhayati Abdul Rahman. (2022). Wacana budaya dan seni dalam puisi Melayu moden oleh penyair negeri Kelantan. *Malay Literature*, 35(1), 83–108. [http://doi.org/10.37052/ml35\(1\)no5](http://doi.org/10.37052/ml35(1)no5)

Received: Peroleh:	4/3/2022	Revised: Semakan	31/3/2022	Accepted: Terima:	29/4/2022	Published online: Terbit dalam talian:	5/6/2022
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

## **Abstrak**

Kelantan adalah antara negeri yang melahirkan ramai sasterawan dan sebahagian mereka telah membina kejayaan pada peringkat kebangsaan. Selain dikenali sebagai Serambi Mekah kerana tradisi keilmuan yang diwarisi sejak ratusan tahun dahulu, Kelantan juga sering dirujuk sebagai “lubuk puisi” kerana telah lahir ramai penyair dari negeri ini. Seiring dengan itu, wujud tanggapan bahawa penyair Kelantan cenderung mengungkapkan perasaan dan pemikiran berhubung dengan budaya dan seni warisan tradisi yang terkenal di negeri Kelantan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek pendokumentasian dan pewacanaan budaya dan seni dalam karya mereka. Kedua, untuk menganalisis bentuk-bentuk dokumentasi budaya dan seni dalam puisi penyair Kelantan dengan menggunakan pendekatan konsep budaya oleh beberapa orang sarjana terkenal. Bagi tujuan tersebut, kajian ini akan menggunakan data berbentuk puisi oleh penyair terkenal Kelantan seperti A. Aziz Deraman, Azmi Yusoff, Ezani Haji Daud, Mazli Husma, Wanrazuhar, Rosli K. Matari dan Rahimidin Zahari. Hasil kajian ini menunjukkan banyak aspek budaya dan seni didokumentasikan dalam puisi oleh penyair Kelantan, antaranya termasuk aspek bahasa,

penggunaan dialek, kepentingan tulisan Jawi, permainan tradisi dan seni wayang kulit. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyair Kelantan menampakkan kecenderungan signifikan untuk mendokumentasikan aspek budaya dan seni dalam puisi, sekali gus membuktikan karya mereka merupakan antara dokumen sosiobudaya penting untuk kajian lanjut dalam bidang budaya dan seni di Kelantan.

Kata kunci: wacana budaya, wacana seni, puisi, penyair Kelantan, dokumen sosiobudaya, tradisi

### **Abstract**

*Kelantan is one of the states that has produced many writers, some of whom have achieved success at the national level. Apart from being the Serambi Mekah due to the tradition of intellectualism inherited from hundreds of years ago, Kelantan is also often referred to as the “depth of poetry” because many poets were born in this state. Along with that, there is a perception that Kelantan poets express feelings and thoughts related to the famous cultural and artistic heritage in the state of Kelantan. Thus, this study aims to identify the aspects of documentation and cultural and art discourse shown in their poetry. Secondly, it aims to analyze the forms of cultural and artistic discourse presented in the poetry of selected Kelantan poets using the concept of culture. For this purpose, this study used data in the form of poems by famous Kelantan poets, such as A. Aziz Deraman, Azmi Yusoff, Ezani Haji Daud, Mazli Husma, Wanrazuhar, Rosli K. Matari, and Rahimidin Zahari. The results of this study showed that various aspects of culture and art are documented in the poetry of Kelantan poets, including the aspects of language, the use of dialect, interest in Jawi inscription, traditional games, and shadow play. The findings of this study also prove that Kelantan poets show a significant tendency to document on cultural and artistic aspects in their works, thus proving that their works are among the important socio-cultural documents for further study of culture and art in Kelantan.*

*Keywords:* cultural discourse, art, poetry, Kelantan poets, socio-cultural document, tradition

## **PENDAHULUAN**

Dari sudut etimologi, perkataan “budaya” berasal daripada akar kata yang tersusun daripada dua perkataan yang terpisah, iaitu “budi” dan “daya”. Kalimah “budi” bermaksud “akal” atau “kebijaksanaan”, sementara

perkataan “daya” berkait dengan upaya, iaitu usaha, keaktifan manusia melaksanakan dengan anggotanya apa yang digerakkan oleh budinya (akal). Oleh itu, perkataan budaya secara umumnya merujuk perlakuan manusia yang berkaitan dengan akal fikiran. Koentjaraningrat (1970) berpendapat kata “budaya” berasal daripada bahasa Sanskrit “buddhayah”, iaitu kata jamak daripada perkataan “buddhi” yang bererti budi atau akal. Oleh itu, kebudayaan dapat diertikan sebagai hal yang bersangkutan dengan akal. Perkataan budaya dalam bahasa Inggeris merujuk istilah “culture”, iaitu perkataan yang berasal daripada perkataan Latin: “colere” yang bermaksud menyedia dan mengerjakan tanah atau menanam. Masyarakat Eropah memilih perkataan “culture” untuk menggambarkan pemikiran mereka, dan satu daripada maknanya berhubungan dengan kehidupan mereka yang sangat rapat dengan aktiviti pertanian (*agriculture*) pada masa tersebut.

Pada umumnya budaya bermaksud cara hidup manusia, yang menerangkan tentang proses perkembangan sahsiah, akal, semangat dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Taylor (1977:1) berpendapat budaya merujuk: “*That complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society*”. Pandangan tersebut menjelaskan budaya ialah keseluruhan kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat, dan kemampuan serta kebiasaan-kebiasaan lain yang dilakukan serta dimiliki oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Kebiasaan yang diamalkan oleh manusia akan membentuk tabiat dan membawa kepada pembentukan sesebuah budaya. Bagi Macionis (1987:62), budaya dilihat sebagai kepercayaan, nilai-nilai, tingkah laku dan objek kebendaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan penduduk tertentu. Macionis membahagikan budaya kepada dua, iaitu, budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan merujuk ciptaan manusia yang nyata dan jelas merangkumi segala objek yang dicipta seperti bangunan, seni, peralatan, alat permainan, media cetak, dan media elektronik dan objek lain yang tegas dan nyata. Budaya bukan kebendaan pula merujuk ciptaan manusia yang tidak nyata dan tidak jelas, meliputi norma, adat istiadat, persuratan, undang-undang dan kepercayaan sesuatu kumpulan masyarakat.

Menurut al-Attas (1993:3), Islam telah membawakan pandangan hidup yang berbeza dari yang lampau, zaman yang menuahkan bukan sahaja rupa baru, bahkan juga jiwa baru. Menurut A. Aziz Deraman (1975, budaya dilihat sebagai satu cara hidup yang terhasil daripada pengumpulan idea, perasaan, nilai-nilai abstrak serta bahan artifak yang diwariskan.

Pengertian ini boleh dilihat dalam pernyataan beliau yang menyebut; “Budaya itu adalah satu cara hidup kita yakni meliputi seluruh cara hidup satu-satu masyarakat baik dalam pengumpulan dari idea-idea dan perasaan, kepercayaan, lambang, nilai-nilai, dan bentuk-bentuk kemasyarakatan serta objek objek kebendaan yang diwariskan turun temurun”. Zainal (1985) pula merumuskan bahawa budaya meliputi segala yang terdapat dalam masyarakat termasuk segala gagasan (*idea*), alatan (*material*) dan bentuk pengucapan (*expression*). Secara mudahnya, budaya ialah segala ciptaan dan warisan hidup bermasyarakat.

Budaya menerangkan tentang perlakuan manusia yang dipelajari dan bersifat simbolis, merupakan satu reaksi manusia terhadap penyesuaian hidup dengan alam sekeliling. Budaya Melayu telah mengalami banyak perubahan melalui proses akulterasi dan asimilasi apabila berlaku pertembungan dengan peradaban luar seperti Hindu, Islam dan kemudian Barat (Wan Abdul Kadir, 1988:1). Hashim (1998:8) menerangkan bahawa terdapat perbezaan antara makna budaya dan kebudayaan. “Budaya” merujuk segala prinsip, peraturan dan struktur, kod, nilai, norma dan seumpamanya yang mendasari kelakuan manusia, manakala “kebudayaan” ialah segala bentuk amalan dan perlakuan yang dihasilkan berlandaskan prinsip, falsafah dan nilai. Dengan pemahaman lain, budaya ialah teori sedangkan kebudayaan ialah praktiknya. Dalam konteks lain, perkataan kebudayaan juga bermaksud tamadun, peradaban, atau kemajuan fikiran yang dicapai oleh sesebuah masyarakat.

Seni pula ditakrifkan sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain yang dicipta dengan bakat atau kecekapan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005), manakala kesenian ialah nilai yang terkandung dalam sesuatu karya seni yang dihasilkan. Kesenian ialah pengisian daripada suatu hasil kreativiti manusia dalam kehidupannya. Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002:2) menyatakan seni Melayu sama ada seni rupa mahu pun seni persembahan merupakan seni yang mendukung falsafah kemelayuan, menggambarkan jiwa budayanya, memaparkan alamnya dan memanifestasikan nilai estetiknya yang tersendiri. Dengan perkataan lain, kesenian itu tercipta sebagai hasil daripada kecekapan masyarakat Melayu mencipta dan melahirkan bakatnya, yang turut memberikan kesenangan dan kepuasan kepada penyambutnya untuk menimbulkan kesan kenikmatan. Sebagai sebuah negara yang mempunyai perlembagaan, Malaysia turut menjadikan kesenian sebagai satu agenda dalam pembangunannya. Perlembagaan Malaysia pada semangatnya bernadikan sikap keterbukaan, menitikberatkan kerakyatan yang majmuk dan berpegang kepada keredaan

Allah dengan menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1983), tiga prinsip telah digarap untuk mengidentifikasi dasar dan pembangunan seni dan budaya. Tiga prinsip telah dijadikan dasar panduan dan pegangan yang disebut Dasar Kebudayaan Kebangsaan<sup>1</sup>. Kesenian pula menjadi tunjang kepada kebudayaan masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Dengan adanya kesenian seperti ini identiti masyarakat Melayu lebih terserlah dan dikenali ramai. Sehubungan dengan itu, Malaysia telah menujuhkan satu badan kerajaan yang dinamakan Kementerian Kebudayaan dan Kesenian bertujuan untuk memantapkan dan memperkembang kebudayaan dan kesenian masyarakat Melayu. Secara umumnya, kesenian Melayu dapat dilihat pada penghasilan dan pempararan budaya melalui benda seperti alat kerja, senjata, pakaian dan perhiasan, tempat berlindung dan perumahan, alat pengangkutan, makanan dan minuman, muzik, tarian dan seumpamanya. Dari segi sejarah dan ketamadunan, kesenian Melayu berkait erat dengan sejarah perkembangan budaya Melayu keseluruhannya. Artifak seni seperti seni arca, seni tembikar dan anyaman merupakan simbol atau bukti yang nyata tentang wujudnya sebuah peradaban manusia Melayu. Selain konsep seni yang berdasarkan objek berbentuk fizikal tersebut, al-Attas (1999:4) meluaskan ruang lingkup pemahaman dengan menyatakan seni ialah satu cabang falsafah yang menumpukan pemikiran dan perasaan pada yang indah atau cantik, ataupun pada keindahan atau kecantikan.

Berdasarkan takrif budaya dan seni yang dikemukakan di atas, didapati wujudnya pelbagai takrif dan konsep yang diberikan oleh para sarjana Barat dan tempatan. Walau bagaimanapun, kepelbagaian tersebut tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Meskipun terdapat perbezaan dari segi hurai maksud, tetapi secara umumnya maksud dan konsep yang jelas antara budaya dan kebudayaan, seni dan kesenian seperti yang dibincangkan di atas. Budaya dan seni menjelaskan tentang ketamadunan sesebuah bangsa, sementara kebudayaan dan kesenian menyerlahkan peradaban sesebuah masyarakat itu.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian tentang wacana budaya dan wacana seni dalam puisi penyair negeri Kelantan ini mempunyai objektif untuk mengenal pasti aspek budaya dan seni yang didokumentasikan dalam puisi penyair negeri Kelantan yang terpilih. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis bentuk pendokumentasian dan pewacanaan budaya dan seni dalam puisi penyair negeri Kelantan yang terpilih menggunakan konsep budaya.

## **KAEDAH KAJIAN**

Penulisan artikel ini menggunakan dua kaedah utama, iaitu kaedah kepustakaan (*library research*) bagi tujuan mendapatkan data kajian berbentuk puisi Melayu moden yang dihasilkan oleh penyair Kelantan, dan juga kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dilakukan terhadap teks sastera terpilih, dengan menggunakan pendekatan konsep budaya bagi menganalisis bentuk wacana yang dikemukakan para penyair.

## **ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan tradisi intelektualisme dan seni budaya, wujud anggapan bahawa penyair Kelantan cenderung berkarya bagi mengungkapkan perasaan dan pemikiran berhubung dengan persoalan budaya dan seni. Matlamat utama mereka adalah untuk menyuntik kesedaran kepada generasi baharu akan peri pentingnya mempertahankan warisan tradisi zaman-berzaman. Hal ini tidak menghairankan, memandangkan masyarakat Kelantan merupakan kelompok yang paling kuat dalam pengekalan jati diri mereka, hatta ketika mereka berada di luar dari negeri Kelantan, atau ketika berada di luar negara. Pengekalan tersebut bukan hanya dapat dilihat dari segi pertuturan dialek, malah dari segi makanan, penampilan, berpakaian, rasa kekitaan atau kenegerian, dan seumpamanya. Situasi yang sama turut diserap dalam gaya persuratan mereka, khususnya puisi. Tambahan pula, kedudukan negeri Kelantan itu mempunyai keunikan yang khusus, iaitu bersempadan dengan negeri Siam (Thailand), negeri Perak, Terengganu dan Pahang. Kedudukan geografi negeri ini sedikit sebanyak memberikan kesan tertentu terutamanya dari segi pengaruh bahasa. A. Aziz Deraman (2018:2-3) dalam tulisan berjudul “Kelantan dalam Pelbagai Keunikan Citra” menyatakan, Kelantan dalam konteks peradaban Melayu timur laut berada di tengah-tengah antara negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, dengan suasana kehidupan budaya yang tidak jauh berbeza atau kadangkala saling mempengaruhi dengan wilayah selatan Thailand, melintasi budaya Melayu-Patani. Pengaruh perhubungan asalnya ikut dirasakan sehingga ke Kemboja dan Selatan Vietnam. Oleh itu, Kelantan mempunyai keunikan yang pelbagai termasuk dalam aspek budaya dan kesenian, memiliki tradisi keintelektualan, rasionalisme, dan jati diri yang kukuh dan tersendiri. Masyarakat Kelantan juga masih utuh mempertahankan kebudayaan, warisan, kesenian serta jati diri mereka dalam kehidupan seharian. Hal yang demikian juga diungkapkan dan

diwacanakan dalam pelbagai bentuk dan genre karya sastera, termasuk genre puisi Melayu moden.

## **Wacana Bahasa**

Bahasa merupakan asas kebudayaan dan menjadi lambang kepada ketamadunan sesuatu bangsa. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1990:21), satu perkara yang terpenting mengenai kebudayaan, yang dengan secara langsung digerakkan oleh proses sejarah kebudayaan Islam adalah penyebaran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, bukan saja dalam kesusasteraan epik dan roman, akan tetapi lebih penting dalam pembicaraan falsafah. Ungkapan “Bahasa Jiwa Bangsa” menjelaskan tentang kepentingan bahasa sebagai lambang bangsa Melayu. Kehebatan bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua-franca* terserlah sejak ratusan tahun apabila menjadi bahasa perhubungan di Nusantara, Asia Selatan dan Asia Tengah selain Indo-China. Kebangkitan kerajaan Melaka, Johor-Riau, Pahang, Terengganu dan Pattani meluaskan lagi penguasaan bahasa Melayu dalam penulisan kitab, hikayat, syair, gurindam dan epik Melayu. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa rasmi dalam penulisan surat-menyurat antara kerajaan Melayu dengan kerajaan asing. Bahasa Melayu turut merangkumi penulisan undang-undang seperti yang termaktub dalam *Hukum Kanun Melaka*, dan *Undang-undang Laut Melaka*. Malah, *Undang-undang Laut Pahang* dan beberapa negeri lain menjadi petunjuk bahasa Melayu menjadi rujukan interaksi maritim antarabangsa. Bahasa Melayu bukan sahaja mempunyai kehebatan dalam bentuk pengucapan atau penulisan sahaja, tetapi juga hebat dalam membina keteguhan jati diri Melayu dalam individu, masyarakat dan negaranya. Oleh itu, orang Melayu yang mahu mempertahankan jati diri dan tampil sebagai suatu bangsa yang hebat, mereka perlu tetap menjulang bahasa, sastera dan budayanya.

Para penyair Kelantan yang signifikan dalam mengungkapkan persoalan wacana bahasa sebagai isu penting dalam garapan puisi mereka termasuk A. Aziz Deraman, Ezani Haji Daud, Wanrazuhar, Azmi Yusuf dan ramai lagi. Sebagai contoh, puisi A. Aziz Deraman<sup>2</sup> mengungkapkan pelbagai tema dan persoalan penting berkaitan dengan bangsa Melayu, termasuk tentang bahasa. Antaranya melalui puisi berjudul “Kasih Bahasa” dan puisi “Budi Kepada Bahasa”, penyair memperlihatkan peranan bahasa Melayu sebagai lambang jati diri yang perlu dipertahankan oleh generasi hari ini. Dua elemen penting yang dapat dikesan pada ungkapan perasaan dan pemikiran penyair melalui puisi ini, iaitu pertama, penyair meluahkan

perasaan kecintaan terhadap bahasa ibundanya, dan kedua penyair mengungkapkan rasa kegusaran terhadap kedudukan bahasa Melayu pada hari ini. Misalnya puisi “Kasih Bahasa” seperti diperlihatkan melalui larik-larik di bawah:

Apabila kukenang laluan cabaran  
dan harapan perkasa kedaulatan  
sebuah bahasa sebuah peradaban  
hatiku terusik oleh rasa terpisah  
jiwa bangsa yang semakin gelisah  
tanpa sedar digoda bicara orang  
kita tidak pasti di persimpangan.

Bahasaku bukan sekadar kegunaan  
atau penggunaan yang kian suram  
walau sukar dikembang dirancang  
bahasa yang baik murni dan benar  
jangan keyakinan kehilangan sinar.

(Aziz Deraman, *Suara Gunung Kehidupan*, 2014:105)

Dalam ungkapan larik-larik puisi di atas, penyair memperlihatkan fungsi bahasa Melayu dalam kehidupan realiti bangsa Melayu, di samping mengungkapkan rasa kecintaan sekali gus kegusaran dengan krisis bahasa Melayu itu sendiri yang dihadapi pada hari ini. Ini dapat dikesan pada frasa “Bahasaku bukan sekadar kegunaan/atau penggunaan yang kian suram/walau sukar dikembang dirancang/bahasa yang baik murni dan benar/jangan keyakinan kehilangan sinar”. Rasa kebimbangan oleh penyair tersebut adalah berdasar, memandangkan fungsi bahasa Melayu telah direndahkan pada hari ini apabila bahasa Melayu dianggap bukan bahasa ekonomi. Sebaliknya, bahasa yang dilihat sebagai penting dari sudut ekonomi ialah bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Tanggapan seumpama ini telah merendahkan fungsi bahasa Melayu, malah menafikan kepentingannya sebagai bahasa kebangsaan di negara ini.

Rasa kebimbangan yang senada turut dikongsikan oleh penyair Wanrazuhar yang sentiasa tekal mewacanakan persoalan memartabatkan bahasa Melayu di negara ini melalui puisinya. Ungkapan perasaan dan pemikiran berkenaan isu bahasa ini dapat ditelusuri melalui sejumlah besar puisi beliau. Misalnya melalui puisi berjudul “Oh Bahasaku”, yang memupuk semangat kesedaran dan rasa kecintaan yang tinggi terhadap bahasa, yang diletakkan kedudukannya sama penting dengan perjuangan

menegakkan kedaulatan bangsa dan tanah air. Namun begitu, yang terjadi dalam situasi masyarakat pada hari ini adalah sebaliknya, apabila bahasa Melayu sering kali diketepikan oleh banyak pihak. Rasa kekesalan pada diri penyair lantaran kedudukan bahasa Melayu yang dipinggirkan di buminya sendiri, antaranya diungkapkan begini;

Aku kesal bila bahasaku diketepikan di majlis rasmi  
Aku gusar bila bahasaku tidak dijadikan bahasa ilmu  
Aku marah bila bahasaku tidak dijunjung tinggi sebagai bahasa rasmi  
Wahai pejuang bahasa di manakah suaramu hingga bahasaku jadi kaku  
dibelenggu  
Ingatkah keranda 152, Melayu bangkit bersuara  
pertahankan hak Bahasa kita  
tetapi di manakah kita?  
(Wanrazuhar, *Kukejar Kata*, 2016:66 )

Melalui ungkapan puisi di atas, penyair menyuarakan kritikan terhadap isu bahasa Melayu yang tidak diberikan kedudukan dan dimartabatkan di tanah airnya sendiri. Kalimat seperti “aku kesal bahasaku diketepikan di majlis rasmi/aku gusar bahasaku tidak dijadikan bahasa ilmu” jelas menyuarakan perasaan dan pemikiran penyair terhadap penafian fungsi bahasa Melayu di negara ini. Frasa “Aku kesal” dan “aku gusar” pula menegaskan perasaan penyair terhadap situasi yang menimpa nasib bahasanya. Sementara frasa “majlis rasmi” dan “bahasa ilmu” ialah dua aspek pemikiran yang ditegaskan oleh penyair, iaitu bahasa Melayu sepatutnya diangkat sebagai bahasa rasmi negara ini dan juga sebagai bahasa ilmu yang selayaknya bagi menjadikan anak bangsa bijak dan pandai.

Penyair Kelantan yang banyak menghasilkan puisi bertemakan bahasa ialah Ezani Haji Daud, iaitu melalui puisinya yang berjudul “Ke Pulau Bahasa”, “Bahasa Kita, Berbahasalah Kita”, “Bahasaku Yang Luka”, “Sewaktu Memugar Aksara”, “Seluhur Bahasa”, “Melukis Warna Bahasa”, “Perjalanan Bahasa”, “Pekan Bahasa”, dan “Pengukir Bahasa”. Melalui puisi “Perjalanan Bahasa” misalnya, penyair mengungkapkan rasa kecintaan dan kegusaran hampir sama tentang isu bahasa, yang dapat ditelusuri melalui rangkap yang berikut:

...bahasa ibunda adalah bahasa tua milik kita setia  
Bahasa bangsa yang sering kita megahkan sambal mendabik dada

Melayunya bahasa, Melayunya bangsanya  
Bahasa jiwa dalam bahasa bangsa  
Itulah milik mutlak kita dari seluruh anterio nusantara  
Bahasa melambangkan jiwa dan bangsa.

...

Harga bahasa sudah kian murah di gedung maruah  
Dan kita kian leka dengan ungkapan liar  
Yang sesekali singgah di serambi persidangan  
Lesu dan kian kaki bak salji membeku  
(Ezani Haji Daud, *Di Kala Kejora Berkata*, 2015:39)

Melalui puisi di atas, Ezani Haji Daud menzahirkan perasaan dan pemikiran tentang bahasa yang diperlihatkan dari dua aspek. Pertama, sebagai melafazkan rasa kecintaan dan kebanggaan terhadap bahasa ibunda. Kedua, sebagai ungkapan tanda kegusaran dan keimbangan terhadap kemasukan pengaruh bahasa asing dan kesannya terhadap status bahasa Melayu pada hari ini. Isu kedua tersebut merupakan cabaran semasa yang dihadapi oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini, dari dahulu sehingga sekarang. Penyair Azmi Yusoff juga tidak ketinggalan mengemukakan tanggapan dan pemikiran berhubung dengan persoalan bahasa melalui puisi beliau yang berjudul “Bahasa”, “Pelita Bahasaku”, “Di Taman Bahasa”, dan “Melayari Bahtera Bahasa” dalam kumpulan puisi *Sakar Mawar* (2014). Melalui petikan puisi “Melayari Bahtera Bahasa” misalnya, tanggapan dan pemikiran penyair dapat dikesan seperti petikan berikut:

Melayari bahtera bahasa  
di tengah samudera peradaban  
menyusur kembara budaya sejagat raya  
kita wajakan sikap dan perkasanakan tekad  
sedia dilambung ombak ganas era teknologi  
rela digulung gelombang buas zaman informasi  
siaga dikepung badai rimas musim tribulasi.

(Azmi Yusoff, *Sakar Mawar*, 2004:75)

Petikan di atas menarik perhatian pembaca terhadap fungsi bahasa sebagai lambang pencapaian peradaban bangsa, di samping berperanan sebagai perakam kebudayaan sesuatu bangsa. Melalui puisi di atas, penyair menyeru pewarisnya agar bersiap-siaga memperkuuh kedudukan bahasa

untuk menghadapi cabaran pada zaman ledakan teknologi dan kesukaran hidup pada hari ini. Oleh itu, adalah perlu untuk bersiap-siaga ketika “melayari bahtera bahasa” agar bahtera tidak karam dan ketamadunan bangsa tenggelam. Selain yang disebutkan dalam perbincangan di atas, antologi puisi *Bahtera Peradaban* (2016) yang menghimpunkan sejumlah 162 orang penyair Kelantan juga mewacanakan persoalan bahasa, seperti puisi berjudul “Pertanyaan Selepas Menghadiri Wacana Bahasa (ii)” oleh Ramli Abdul Halim dan “Kata-kata Asing dalam Puisimu” oleh Azman Hussin, yang mencerminkan sifat jati diri penyair dalam puisinya. Dapatkan yang ditemui ini membenarkan tanggapan bahawa penyair Kelantan (penyair lama dan baharu) cenderung menghasilkan puisi bertemakan budaya, khususnya yang berhubung dengan persoalan bahasa kebangsaan. Hal ini dapat dikaitkan dengan pandangan E.B. Taylor (1977), iaitu bahasa merupakan sebahagian daripada aspek amalan atau budaya yang merujuk kebiasaan yang dimiliki dan dilakukan oleh manusia sebagai anggota sesebuah masyarakat.

### **Dialek dan Hubungannya dengan Budaya**

Selain pewacanaan subjek bahasa Melayu standard sebagai subjek utama dalam puisi penyair Kelantan, didapati kecenderungan mereka untuk mengangkat dialek Melayu Kelantan dalam ungkapan puisi. Kecenderungan ini dilihat sebagai lambang dan upaya untuk memperkuuh nilai jati diri tempatan (*local*) penyair dari negeri ini. Perkembangan ini menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja mengekalkan pertuturan sehari-hari dalam dialek Melayu Kelantan, tetapi juga dalam penulisan puisi. Antara penyair awal dikesan menampilkan kecenderungan ini termasuklah penyair Awang Abdullah (nama asal Pui Tiong Gee) melalui puisinya seperti “*Ledo Nik Jago*” (1987), “*Jame Dulu Jame Loni*” (1992), “*Cito-Cito (ii)*” (2004) dan “*Sup Gear Box*” (2011), yang kesemuanya diterbitkan dalam Kumpulan Puisi *Sekali Bererti Selamanya Abadi* (2011). Melalui puisi “*Ledo Nik Jago*” misalnya, penyair Awang Abdullah menulis puisi yang berunsurkan mantera dengan nada rayuan atau pujukan dan permintaan yang sering digunakan sebagai kaedah perubatan traisional untuk mengubati pesakit. Mantera merupakan kata atau ayat apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib untuk menyembuhkan penyakit dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010). Dengan perkataan lain, mantera merujuk susunan kata-kata atau kalimat khusus yang mengandungi kekuatan ghaib, dipakai atau diucapkan pada waktu dan tempat tertentu, dengan tujuan untuk

menimbulkan kemampuan tertentu kepada orang yang mengucapkannya atau kepada orang yang membaca mantera tersebut. Antaranya dapat dilihat pada petikan berikut:

Kalu nik asal dari pusu  
Pusu ke mano  
Kalu nik asal dari hute  
Hute ke mano  
Mitak tubik dengan besegera  
Mitak kelik ke tepat asal  
Kalu nik make atawa nik lapar  
Aye putih kuba ke bala  
Bonda nak hantar;  
Ayolah nik  
Asal siloh tak kalo mano  
Pule pulih sedio ko kalo  
Ledo nik jaga.

(Awang Abdullah, *Sekali Bererti Selamanya Abadi*, 2011:34)

Dalam larik-larik puisi di atas, memperlihatkan pernyataan memohon atau merayu kepada “Nik”, iaitu entiti yang berada dalam diri si pesakit sehingga beliau tidak dapat tidur dengan lena. Entiti tersebut dipanggil dengan gelaran hormat sebagai “Nik”, iaitu suatu gelaran yang lazim dipakai bagi merujuk kepada seseorang yang berketurunan raja atau kerabat raja di negeri Kelantan. Tujuan unsur mantera dalam puisi tersebut adalah untuk mengubati si pesakit, iaitu dengan cara meminta entiti tersebut keluar daripada tubuh si pesakit. Kaedah ini merupakan sebahagian daripada cara pengubatan tradisi yang diamalkan oleh masyarakat tradisi, khususnya sebelum kedatangan agama Islam. Puisi ini bukan sahaja dirujuk sebagai menggunakan bahasa dialek Kelantan, tetapi juga sebagai perujuk kepada amalan dalam budaya masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Selain itu, penulisan puisi dalam dialek Kelantan juga banyak dihasilkan oleh A. Aziz Deraman yang menampilkannya melalui puisi berjudul “Cagho Klate”, “Nyior Pattani”, “Cocoh” (Bicara Kasih, 2015), “Selogho Kelate” (Wak Long, 2012,) dan lain-lain. Sebagai contoh boleh diperhatikan pada puisi berjudul “Cagha Klate” berikut:

Mu buleh pileh kandok  
Nok golok ko klewe

Kapok kecik ko paghe  
Badik ko lawi aye.

Maing skali beci skali saye  
Jannji dok yo dok buke.

Main cagho oghe Klate  
Cagho Klate  
Buleh tebah buleh tetok  
Buleh tebe buleh catah  
Tike sauk make ko otok  
Buku limo beghaso kapok  
Ubak bekecek belawok.

(A. Aziz Deraman, *Bicara Kasih*, 2015:18).

Puisi pendek yang menggunakan loghat atau dialek Kelantan di atas menjelaskan dua perkara, iaitu pertama paparan tentang sifat keperibadian atau jati diri dalam kalangan masyarakat Kelantan itu sendiri. Puisi ini menjelaskan bahawa sikap, tingkah laku atau perbuatan yang tidak tetap pendirian untuk menyatakan sesuatu perkara atau ketetapan, boleh mencetuskan perbalahan sesama sendiri, atau antara dua pihak. Perbalahan pula boleh melibatkan penggunaan senjata, yang dapat pula dikaitkan dengan sifat “gedebe”, iaitu bengkeng, garang, keras, atau berani yang sinonim dengan ciri-ciri lelaki Kelantan. Perkataan “gedebe” dikatakan berasal daripada istilah Selatan Thai yang merujuk “Tok Nebe” (dalam dialek) atau “Tok Penghulu”. Walau bagaimanapun, “gedebe” dalam konteks masyarakat Kelantan boleh dinilai dari sudut negatif dan positif, yang ditentukan oleh konteksnya. Sifat berani, garang dan keras (sebahagian daripada ciri kepahlawan) itu pula boleh dikaitkan dengan jenis pertarungan “cagho Klate”, iaitu “buleh tebah buleh tetok/buleh tebe buleh catah/tike sauk make ko otok/buku limo beghaso kapok”. Gambaran aksi atau jenis pertarungan ini bukan hanya menjelaskan tentang jenis strategi dalam pertarungan, tetapi juga kehebatan kesan bagi setiap cara atau strategi pertarungan tersebut, seperti ungkapan ini: “tike sauk make ko otok/buku limo beghaso kapok”. Kedua, pemilihan dan penggunaan perkataan khusus seperti “golok”, “klewe”, “kapok kecik”, “badik”, dan “lawi aye” merujuk senjata tradisi (budaya benda) yang terkenal dalam masyarakat Kelantan. Sejak ratusan tahun silam, pelbagai jenis senjata warisan tradisi ini digunakan oleh masyarakat bukan hanya berfungsi

sebagai senjata untuk membela diri atau berburu, tetapi juga sebagai sebahagian identiti daripada suatu kelompok etnik atau kebudayaan.

Gambaran keunikan orang Kelantan turut diperihalkan oleh penyair Mazli Husma dalam puisi yang disampaikan dalam dialek Kelantan berjudul “Biso Oghe Kelante” (*Daun Nan Sehelai*, 2015:161). Melalui puisi ini penyair memperincikan sifat positif dan negatif yang menjadi kelaziman, malah identiti bagi orang Kelantan. Rangkap pertama puisi ini misalnya, menggambarkan tentang keunikan dan ciri-ciri positif seperti larik-larik berikut: “boleh gi genap tapan/kiri kanan belakang depan/ ada luang dia godan/ ada peluang dia tiban”. Ungkapan ini memperihalkan sifat keterbukaan dan kebolehan orang Kelantan dalam setiap bidang dan lapangan, suka merebut peluang yang ada untuk dimanfaatkan bagi memajukan diri sendiri, khususnya ketika berada di tempat orang. Sementelah pula orang Kelantan digambarkan sebagai masyarakat yang suka merantau ke tempat atau negeri orang untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Hal ini digambarkan oleh penyair dalam ungkapan berikut: “oghe Kelante pesen suko jjalan/rajin kerja rajin niaga di tempat oghe/di bandar mana di negeri mana/di tanah rancangan mana/di projek mana di syarikat mana di koperat mana/tak kira di peringkat mana/ada sajo oghe kelante” (2015:161). Pemaparan tersebut ialah pemerian tentang sifat positif orang Kelantan. Namun begitu, penyair mempamerkan sifat objektifnya apabila berpendapat bahawa orang Kelantan tidak terlepas daripada memiliki sifat negatif. Sifat tersebut diperlihatkan dalam ungkapan berikut;

Cuma sekali sekala ada juga perangai gila  
Nak tunjuk gedeber cepat panas baran  
Pongoh tahi ayam  
Dengan orang luar dia hormat macam sultan  
Sama sendiri silap sikit bercekak pinggang.  
(Mazli Husma, *Biso Oghe Klate*, 2015:161).

Dalam konteks petikan di atas, sikap “gedeber” dikaitkan dengan sifat panas baran atau “pongoh tahi ayam”, iaitu cepat naik marah tetapi cepat pula sejuknya. Bagi seseorang atau individu yang memiliki sifat dan sikap sebegini, dikatakan sebagai “pongoh”, iaitu cepat dipengaruhi oleh perasaan marah serta mudah pula mencetuskan pergaduhan antara sesama sendiri. Demikian antara sifat orang Kelantan yang dianggap penyair sebagai unik dan tersendiri melalui puisi di atas. Semua sifat yang membentuk jati diri itu diungkapkan melalui penggunaan bahasa dialek, iaitu bahasa yang sinonim dengan masyarakat Kelantan.

Dalam usaha untuk mengesan kekuatan jati diri melalui puisi yang ditulis menggunakan dialek Kelantan, ditemui sebuah antologi puisi yang ditulis menggunakan dialek Kelantan sepenuhnya, iaitu berjudul *Bbaghie* (2020). Antologi ini memuatkan 96 buah puisi hasil karya 24 orang penyair, dengan sebilangan puisi di dalamnya mengungkapkan budaya dan seni khusus di Kelantan. Misalnya melalui puisi bertajuk “Oghe Jame Dulu (i)” dan “Oghe Jame Dulu (ii)” yang memaparkan tentang budaya benda dan budaya bukan benda yang sinonim dengan tradisi di negeri Kelantan. Sebagai contoh, puisi “Oghe Jame Dulu (i)” memaparkan reka bentuk rumah orang Kelantan yang tinggi, dan ruangan di bawah rumah berfungsi digunakan sebagai tempat untuk menempatkan binatang peliharaan seperti kambing, biri-biri, ayam, itik serta lembu dan kerbau. Di samping itu, ruangan di bawah rumah juga menjadi tempat tuan rumah beraktiviti, seperti katanya; “bawoh ghumoh jugo tepat wat kijo/lesung inik, kisaghe, tumbuk padi/ighik padi, idai padi, ayok padi/lepas ngeten wat bekwoh berah baru”. Semua itu merupakan bentuk paparan budaya benda seperti “lesung inik, kisaghe”, dan selebihnya ialah paparan budaya bukan benda, yang merujuk cara hidup orang kampung di Kelantan pada zaman dahulu.

Melalui puisi “Oghe Jame Dulu (ii)” pula memaparkan budaya benda dan budaya bukan benda, melalui penggunaan diksi seperti “cedung-ngete”, “usung ghumoh”, “ikat bekong”, “kain sarung”, “sematal Siam”, “badik rrusok”, “kapok jangok ppinge”, “badik kerih”, “paka sarong” dan “batik lepah”, iaitu merujuk amalan tradisi dan objek budaya benda dalam kalangan masyarakat Kelantan tradisional. Dalam antologi yang sama, budaya makanan tradisi masyarakat Kelantan dipaparkan melalui puisi “Rindu Ore Luar Klate (Kolo Lupur)” yang memuatkan pelbagai jenis makanan tradisi masyarakat Kelantan seperti lauk pauk (ike singe, gula srat, lepeng), dan kuih-muih (tahi itik, lopat tike, teri mandi, seri muka) serta dikesan juga gambaran permainan rakyat (main berambat, nusuk, gelek paro, guroh) yang diakhiri dengan imej orang kampung yang dikatakan sebagai “aku ore kapung tok agah tak lupo asal usul” (aku orang kampung, tidak sompong, tidak lupa asal usul). Penyair yang sama juga menobatkan dialek Kelantan melalui puisi berjudul “Dirgahayu Bahaso Kelate” yang memperihalkan tentang kekuatan jati diri masyarakat Kelantan dalam penuturan dialek, yang digunakan bukan sahaja oleh masyarakat Melayu, tetapi juga oleh masyarakat Cina, India dan Siam. Melalui puisi beliau, penyair melihat suasana ini sebagai satu kekuatan tersendiri bagi dialek Kelantan yang dituturkan secara menyeluruh oleh semua penduduk Kelantan tanpa mengira kaum. Selain itu, penyair Abham TR pula memaparkan cara hidup atau aktiviti kehidupan masyarakat Kelantan yang sinonim juga dengan musim

tengkujuh atau disebut sebagai “puye boh” (musim banjir). Melalui puisi berjudul “Puye Boh (1)”, “Puye Boh (2)”, Puye Boh (3)” dan “Puye Boh (4)”, penyair merakamkan dan memaparkan situasi yang mencerminkan ciri-ciri budaya masyarakat Kelantan yang berkaitan dengan kekhasan makanan, pakaian, perlakuan, dan seumpamanya. Gambaran yang dipaparkan melalui puisi penyair Abham TR di atas bersifat khusus dan tersendiri bagi masyarakat Kelantan, terutama ketika mereka menghadapi musim banjir yang menjadi suatu fenomena tahunan di kebanyakan daerah di negeri Kelantan. Setiap paparan yang dikemukakan melalui pemilihan diksi, frasa, larik, dan rangkap puisi berkenaan menepati pandangan yang dikemukakan oleh Macionis dan Gerber (1999), bahawa budaya ialah kepercayaan, nilai-nilai, tingkah laku dan objek kebendaan yang dikongsi secara bersama oleh sekumpulan penduduk yang tertentu.

### **Wacana Kepentingan Tulisan Jawi**

Tulisan Jawi telah melalui sejarah perkembangan yang subur dan menjadi tuggak kepada perkembangan minda orang Melayu-Islam sejak ratusan tahun yang lalu. Tulisan Jawi mula berkembang di Tanah Melayu sejak kedatangan Islam pada abad ke-10 menerusi aktiviti perdagangan orang Arab yang datang berniaga di kepulauan Melayu. Perkembangan tulisan Jawi di Nusantara seiring dengan penyebaran agama Islam yang menjadi pegangan orang Melayu. Menurut Amat Juhari Moain (1996), tulisan Jawi telah digunakan oleh orang Melayu dalam berbagai-bagai jenis lapangan dan kegiatan penulisan. Bahkan untuk kesenian juga tulisan ini digunakan, iaitu pada seni khat bagi menghiasi mihrab, di dinding dalam masjid, batu nisan dan seumpamanya. Kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi turut diwacanakan oleh penyair Mazli Husma menerusi puisinya yang berjudul “Tulisan Jawi iii”, “Tulisan Jawi iv” dan “Siapa Kata Jawi Itu” dalam kumpulan puisi *Daun Nan Sehelai* (2005). Ungkapan kesedaran akan perihal pentingnya tulisan Jawi dapat dilihat melalui puisi berjudul “Tulisan Jawi iii”, seperti contoh petikan berikut:

Tulisan Jawi!  
Kau adalah wadah berjasa  
Mencelikkan minda bangsa  
Mewarnai laut keilmuan  
Dalam setiap nadi bangsa  
Setiap warga setia  
Dengan nada ceria berwibawa

Bangsa berilmu  
Berjiwa serta dihormati.  
(Mazli Husma, *Daun Nan Sehelai*, 2015:42)

Petikan contoh rangkap puisi di atas memperlihatkan kesedaran penyair tentang betapa pentingnya peranan yang telah dimainkan oleh tulisan Jawi pada suatu ketika dahulu dalam usaha “mencelikkan minda bangsa”, “mewarnai lautan keilmuan” sehingga menjadikan orang Melayu sebagai “bangsa berilmu”, bertamadun tinggi dan dihormati oleh pihak lain. Oleh yang demikian, penyair menegaskan pandangannya bahawa tulisan Jawi ialah warisan bangsa Melayu yang perlu dijaga dan dipertahankan selamanya agar tidak pupus ditelan zaman. Demikian kesedaran dan keprihatinan penyair Mazli Husma dalam puisi-puisi yang digarapkan dalam kumpulan puisi *Daun Nan Sehelai* yang diperkatakan di atas.

### **Seni dan Kesenian Kelantan**

Penghasilan seni dan warisan sering kali mendapat sambutan masyarakat kerana di dalamnya terkandung sesuatu yang menemukan jati diri bangsa dan agama. Hasilnya adalah daripada tingkap manusia perekanya, sebagai ungkapan menjelaskan diri dan khalayaknya, sementara bagi penyambut hasil tersebut mengisi proses pembudayaannya. Dalam konteks ini, seni boleh menjadi elemen yang mempertingkatkan pengalaman masyarakat dengan keadaan melestarikannya secara perkongsian. Menyedari akan kepentingan pemeliharaan dan pelestarian kesenian yang ada dalam budaya Melayu yang bertujuan untuk memantapkan akal budi bangsa, maka sejumlah penyair Kelantan tampil dengan persoalan pelestarian seni tersebut. Penyair A. Aziz Deraman, misalnya, adalah antara penyair yang penting dalam usaha mengetengahkan subjek seni budaya dalam puisi beliau. Persoalan tentang kesenian Melayu yang diungkapkannya boleh ditelusuri dalam kebanyakan puisi yang dihasilkannya. Antaranya dapat dikesan pada puisi berjudul “Suara Rebana Ubi”, “Rebana Bangsa” dan “Galas Dagang” dalam antologi puisi *Suara Gunung Kehidupan* (DBP, 2014), “Wak Long”, “Kelir Hidup”, “Gasing”, “Pemain Wau”, “Mari Kita Bergendang”, “Keris Pusaka”, “Namaku Rebana Ubi”, dan “Jampi Bangsaku” dalam *Kumpulan Puisi Wak Long* (2012). Semua ungkapan tersebut memperlihatkan cara penyair membudayakan dirinya dengan penghayatan terhadap seni dan budaya yang telah mempengaruhi falsafah dan sudut pandang, kehidupan dan citra perjuangannya. Kecenderungan dan keserasian penyair dengan

ungkapan seni dan budaya melalui puisi, memperlihatkan ketekunan dan kesungguhan penyair melestarikan citra terhadap seni dan budaya bangsanya. Melalui puisi “Rebana Bangsa” misalnya, penyair menjadikan rebana ubi sebagai subjek utama pembicaraannya. Rebana ubi ialah sejenis alat muzik yang dikelaskan sebagai gendang dan dimainkan dengan cara dipukul dengan pemalu. Rebana ubi lebih besar daripada rebana biasa. Pada zaman dahulu, rebana ubi digunakan untuk tujuan komunikasi jarak jauh. Rebana diletakkan di atas bukit dan dimainkan mengikut rentak tertentu bergantung pada berita yang ingin disampaikan, daripada pengumuman majlis pernikahan sehingga kepada amaran bahaya. Kini, rebana ubi hanya digunakan dalam upacara istiadat atau persembahan tertentu, dan menjadi permainan tradisional masyarakat Melayu Kelantan. Rebana ubi kebiasaannya dimainkan pada setiap kali tamat musim menuai. Cara permainannya agak mudah, iaitu setiap rebana ubi akan dipukul oleh dua orang dan boleh dimainkan secara paluan atau dipukul dengan tangan sahaja. Kepentingan permainan ini dapat ditelusuri pada contoh ungkapan berikut:

Rebana besar-asal usul nama ternama  
dipalu orang ke nusa timur tenggara  
beza nama, beza cara, beza nada  
dalam lambang budaya berbeza  
kodo jepun gendang besar china  
terhias majlis segala acara bangsa  
senang di mata nyaman di telinga  
berkobar semangat-nyala api jiwa  
Tahukah bangsaku-itu warisan budaya  
Adat resamnya-kekal ke hujung masa.  
Funan ke sejarah nusa merdeka  
nekaranya terhias sejarah kita  
tembaganya terukir falsafah budi  
budaya bangsa ada jati diri  
rebana bangsaku-rebana ubi.  
(Aziz Deraman, *Suara Gunung Kehidupan*, 2014:16)

Melalui puisi “Rebana Bangsa” penyair melontarkan pemikiran tentang kepentingan kesenian bangsa untuk dipertahankan sebagai warisan yang tinggi nilainya, seperti ungkapan “tembaganya terukir falsafah budi/budaya bangsa ada jati diri”. Oleh itu, melalui karyanya penyair menyuarakan harapan agar masyarakat menghargai khazanah warisan bangsa, sekali gus berupaya mempertahankan warisan seni dan jati diri

budaya bangsa yang dibanggakan oleh generasi kini dan akan datang. Hasrat dan pemikiran tersebut dapat dilihat melalui ungkapan frasa berbunyi; “Tahukah Bangsaku - itu warisan budaya/Adat resamnya- kekal ke hujung masa”. Dalam puisi berjudul “Semangat Seni Permainan” (dalam dialek Kelantan) pula memaparkan permainan rakyat yang menjadi aspek penting dalam kesenian dan kebudayaan Melayu dengan persekitaran masyarakat dan topografi bersifat kedaerahan di negeri Kelantan. Pelbagai jenis seni permainan tradisi diketengahkan melalui puisi ini, seperti permainan wau, gasing, rebana kertuk, sepak raga, sepak bulu ayam, lumba perahu, tarik upih, congkak, selambut, makyong, wayang kulit, menorah dan dikir barat. Puisi “Semangat Permainan” dapat ditelusuri seperti di bawah;

Dulu kita main **wau** sendiri  
wau siapa naik tinggi  
kita main **gasing**  
gasing siapa ligat berpusing  
gasing pangkah tanda bijak  
jangan kepala orang pijak  
tengok **rebana kertuk**  
**sepak raga, sepak bulu ayam**  
jaga diri jangan telentang  
**lumba perahu**\_siapa dahulu  
tunjuk laju cekap maju.  
Kita pergi serata daerah  
mainan banyak boleh pilih  
berlumba **tarik upih**  
main **cakjeng** berdiri galah  
tahan langkah tidak kalah  
main **ketuk kepala ular**  
pandai ketuk tidak liar  
tibai anak **congkak selambut**  
kita main dalam lembut  
jantan betina sama-sama main  
tanda sepakat kita berkawan.

...  
Kalau petang lepas Zuhur  
mengaji Quran di balaisah  
balik mengaji bidas burung  
atau mengail guna pelampung  
...

Kalau habis musim mengetam  
ramai-ramai kita ke padang  
ada **makyung** ada **wayang kulit**  
tengok **menora siam** depan ketik  
dengar **dikir barat** hebat  
tuk juara tukang karut suara sedap  
terbit segala **pantun ibarat**.

(A. Aziz Deraman, *Gelora Nurani*, 2015:139)

Berdasarkan puisi di atas, perkataan yang digelapkan merujuk jenis permainan tradisi masyarakat Kelantan yang cukup terkenal sejak zaman berzaman dan sebahagiannya masih wujud pada hari ini. Misalnya, “wau” adalah antara permainan tradisi yang cukup terkenal dan menjadi ikon negeri Kelantan. Wau Kelantan mempamerkan kehalusan seni ciptaannya dan turut dianggap unik oleh sesetengah masyarakat luar. Begitu juga dengan “kertok”, antara seni hiburan tradisional masyarakat Melayu Kelantan, yang asalnya digunakan oleh petani bagi tujuan menghalau burung pada musim padi masak. Begitu juga dengan semua jenis permainan yang disebutkan dalam puisi di atas adalah akrab dalam kehidupan masyarakat Kelantan dari dahulu hingga sekarang. Penyairnya, A. Aziz Deraman, yang juga merupakan tokoh budayawan amat peka kepada warisan seni budaya masyarakat Melayu Kelantan. Pelbagai jenis permainan yang ditampilkan dalam puisi di atas merupakan suatu bentuk rakaman dokumentasi untuk dilestarikan sebagai warisan kepada generasi akan datang. Aspek kesenian Kelantan juga dapat dilihat pada puisi beliau yang lain, yang bertajuk “Gasing”, “Mari Kita Bergendang”, “Adat di Panggung”, “Nyior Pattani”, dan “Cocoh” yang termuat dalam kumpulan puisi *Bicara Kasih*, (2015). Puisi beliau bertajuk “Semangak Seni Mmene” (*Gelora Nurani*, 2015) memperkatakan seni permainan dalam masyarakat yang disampaikan menggunakan bahasa Melayu dialek Kelantan. Sementara rasa kebimbangan tentang pengaruh budaya Barat terungkap dalam puisi “Ribut Budaya” (*Gelora Nurani*, 2015).

Selain itu, kebanyakan penyair Kelantan juga turut menampakkan kecenderungan dan kepentingan ketara dalam pengungkapan persoalan budaya dan kesenian Kelantan. Rata-rata penyair Kelantan sangat akrab dan menobatkan subjek tersebut dalam pengungkapan puisi mereka. Misalnya, antologi puisi *Bahtera Peradaban* (2016) yang memuatkan puisi hampir semua penyair Kelantan turut memuatkan puisi yang menyentuh soal budaya masyarakat Melayu di Kelantan. Menurut Aziz Deraman, ini tidak

menghairankan memandangkan di Kelantan, karya sastera genre “puisi” bukan sesuatu yang asing, luar biasa atau sesuatu yang baharu. Zaman-berzaman, Kelantan bukan sahaja mewarisi kekayaan khazanah kesenian yang pelbagai jenis hasil kerja tangan seperti pertukangan, ukiran, batik, tenunan songket, serta teater etnik, seni muzik, seni lagu, pakaian dan perhiasan, bahkan bentuk-bentuk puisinya mengalir dari bibir dan suara manusia sejak usia kanak-kanak lagi (*Bahtera Peradaban*, 2016). Antara lain gambaran tentang budaya Melayu dipaparkan oleh penyair Abdul Hadi Yusoff melalui puisi “Seni Disanjung Budaya Dikendong Syariat Dijunjung”, yang memaparkan soal akal budi melalui pandangan bahawa seni dan budaya amalan masyarakat Melayu yang bersesuaian dengan syariat Islam. Contohnya boleh dikesan dalam petikan puisi berikut:

seni disanjung budaya dikendong syariat dijunjung  
umpama adat Melayu sebuah keluarga beradab mulia  
jalinan seni bermula dari susunan sireh di cerana  
meracik pinang mesra menyambut tetamu tiba  
bersila di tikar budaya  
selepas bersalam menyulam syariat Islam.

(Abdul Hadi Yusoff, *Bahtera Peradaban*, 2016:23)

Gambaran dalam petikan di atas memperlihatkan bahawa kesenian dan kebudayaan yang diamalkan di Kelantan telah disesuaikan dengan syariat. Hal ini adalah wajar memandangkan budaya yang terbentuk dalam masyarakat berteraskan agama Islam yang menjadi pegangan kukuh masyarakat Melayu. Gambaran citra budaya orang Melayu Kelantan juga dicerminkan melalui ungkapan seperti “seni disanjung”, “syariat dijunjung”, “beradab mulia”, “mesra menyambut tetamu” dan “bersalam menyulam syariat” seperti yang dikesan pada ungkapan puisi di atas. Keseluruhan ungkapan puisi ini memaparkan sifat dan sikap positif orang Melayu Kelantan yang menjadi jati diri mereka, yang tetap dipertahankan sejak turun-temurun, meskipun zaman sudah berubah.

Ungkapan kesenian Melayu Kelantan yang paling banyak ditemui dalam puisi penyair Kelantan ialah permainan wayang kulit. Wayang kulit merupakan seni persembahan teater yang menggunakan patung yang diukir daripada belulang untuk persembahannya, iaitu dengan teknik bayang melalui pantulan cahaya terhadap kelir menerusi watak-watak yang digambarkan pada patung atau boneka belulang tersebut (Rahmah, 2007:137)<sup>3</sup>. Persembahan wayang kulit selalunya diiringi oleh

satu kumpulan muzik paluan atau gamelan dan juga alat tiupan (serunai) atau alat bertali (rebab), menjadikannya lebih indah dan menarik perhatian penonton. Gambaran tentang jati diri Melayu Kelantan dari aspek kesenian juga ditemui secara meluas dalam puisi penyair Kelantan. Antara yang paling signifikan ialah dalam kumpulan puisi *Laut Tujuh Gelombang Buih* (2014) oleh Rahimindin Zahari yang menampilkan sejumlah besar puisi berkaitan dengan tradisi wayang kulit yang terkenal dalam masyarakat Melayu Kelantan. Puisi-puisi berjudul “Beduk Bertabuh”, “Mantera Nurani”, “Dalang dan Wayang”, “Seekor Kijang Kenchana” dan banyak lagi memaparkan tradisi wayang kulit dalam masyarakat Melayu, khususnya di Kelantan. *Kumpulan Puisi Laut Tujuh Gelombang Buih* oleh Rahimindin misalnya, mengumpulkan sebahagian besar puisi yang diangkat daripada epik Wayang Kulit Kelantan, khususnya Ramayana. Dalam naskhah ini, wayang kulit ditampilkan dalam dua perspektif, iaitu pertama wayang dikemukakan sebagai metafora mewakili isu sejagat melangkaui kosmologi alam Melayu. Kedua, wayang dikias sebagai lambang hidup dan kehidupan, manusia dan kemanusiaan. Penyair memperlihatkan kesedaran tinggi bagi memanfaatkan seni persembahan Melayu tradisi, iaitu wayang kulit sebagai sebahagian daripada jati diri Melayu yang wajar dipertahankan jangka hayatnya di negeri Kelantan. Melalui puisi “Sihir Rawana” misalnya, Rahimindin mencitrakan semula watak-watak utama dalam cerita wayang kulit seperti gambaran berikut:

kubina wakaf  
di tengah perjalanan jauh jauh  
makanlah buah-buah hijau segar ini  
wahai seri rama, siti dewi  
dan laksamana

dengan selangkah seri rama  
mujurlah laksamana engkau  
bijak memegang hujung kain iparmu  
wakafku telah ghaib  
dari pandangan

(Rahimindin Zahari, *Laut Tujuh Gelombang Buih*, 2014: 36)

Daripada petikan puisi di atas, Rahimindin telah membuat rekonstruksi watak utama, iaitu Seri Rama, Siti Dewi dan Laksamana dengan dirinya sendiri sebagai dalang. Seri Rama telah dimelayukan dengan meletakkan Siti Dewi (Sita Dewi) dan Laksamana (Seri Rama). Persoalan dan

mesej utama dalam teks *Hikayat Seri Rama* adalah untuk menampilkan kewajaran, kasih sayang, kesetiaan dan tidak bersikap mementingkan diri. Sebagai sebuah teater tradisional, wayang kulit ialah pancaran hati nurani dan perasaan masyarakat Melayu tradisional. Dengan mengangkat teks sastera tradisional di dalamnya, penulisan puisi bersifat seperti teks asal yang bertujuan bukan semata-mata sebagai alat hiburan, tetapi yang lebih penting menggambarkan sikap, nilai, norma, hati budi, konsep hidup dan kepercayaan serta pemikiran masyarakat pada waktu itu. Subjek puisi yang hampir sama juga menarik perhatian beberapa orang penyair Kelantan lain untuk menggarapnya, antaranya seperti puisi “*Dalang dan Kelir*” (2013) oleh Ezani Hj Daud, “*Kenangan Menonton Wayang Kulit Dollah Baju Merah*” (2014), “*Kembalilah Kepada Diri*” (2016) oleh Abdullah Awang, dan “*Selamat Berpisah Wahai Dalangku*” (2016) oleh Rosli K. Matari.

Selain itu, karya yang memperkatakan tentang budaya kebendaan dalam kehidupan masyarakat di Kelantan juga banyak ditemui dalam puisi oleh Rosli K. Matari. *Kumpulan Puisi Anak Dusun* (2014) misalnya, memaparkan adat dan jenis-jenis permainan tradisi yang amat dekat dan popular dalam budaya masyarakat Melayu Kelantan. Gambaran tersebut dapat dihayati dalam puisi berjudul “*Genuk Beras*”, “*Kok Kerek Kok*”, “*Perahu Tua 1*”, “*Perahu Tua 1*”, “*Tangga dan Keladi*”, “*Tarik Upih 1*”, “*Wau Bulanku*” dan sebagainya. Sementara paparan tentang senjata Melayu dan falsafahnya dikesan pada puisi berjudul “*Keris Warisan*” oleh Azmi Yusoff (2014), “*Sajak Kapak Kecik*” dan “*Hikayat Keris Sebilah*” oleh Abdulhadi Muhammad dalam kumpulan puisi *Negeri di Bawah Bulan* (2008) dan banyak lagi.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan terhadap puisi oleh para penyair Kelantan di atas, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan penyair Kelantan mempamerkan kreativiti dan sensitiviti serta ketajaman daya fikir untuk menggarap isu seni budaya ke dalam puisi mereka. Oleh itu, puisi yang dibincangkan dalam wacana ini memaparkan idea pemikiran yang disorot dari perspektif budaya dan seni, yang rata-ratanya dilihat berusaha untuk mendokumentasi dan melestarikan unsur seni dan budaya warisan tradisi masyarakat, khususnya di Kelantan. Ketika berdepan dengan cabaran semasa dan asakan arus kemodenan yang begitu pesat pada hari ini, ternyata mereka tidak mahu warisan budaya dan seni tradisi pupus atau hilang begitu saja. Meski pun dalam realiti kehidupan hari ini menyaksikan

kebanyakan orang Melayu, khususnya generasi muda mulai menerima dan menyerap perubahan yang melanda masyarakat, namun kebanyakan penyair Kelantan masih berusaha untuk mempertahankan ciri-ciri jati diri kemelayuan dan kenegerian mereka.

Berdasarkan contoh yang diperlihatkan dan dibincangkan dalam tulisan di atas, jelaslah bahawa rata-rata penyair Kelantan mempamerkan sikap keprihatinan, mengambil berat dan berusaha untuk mempertahankan nilai jati diri mereka, khususnya dalam aspek budaya dan kebudayaan, serta seni dan kesenian. Pengekalan aspek budaya dan seni (di dalamnya termasuk agama) menjadi teras utama pada usaha pelestarian warisan tradisi dan pengekalan akal budi Melayu. Sekali gus, para penyair Kelantan telah memartabatkan karya-karya sastera khususnya puisi sebagai antara dokumen penting bagi sosiobudaya masyarakat Melayu Kelantan.

## NOTA

1. Tiga prinsip telah dijadikan dasar panduan dan pegangan dan disebut Dasar Kebudayaan Kebangsaan, iaitu:
  - i. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
  - ii. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan.
  - iii. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Sila rujuk Rahmah Bujang. (2007). Wadah wahana seni persesembahan. Universiti Malaya, Akademi Pengajian Melayu, hlm. 15.
2. A. Aziz Deraman merupakan penyair penting yang cekal dan tekal budaya dan kesenian dalam garapan puisi beliau. Sebagai seorang tokoh budayawan, subjek budaya dan kesenian telah menjadi tema dan persoalan utama dalam karya beliau. Hal ini dapat diperhatikan dalam beberapa kumpulan puisi beliau seperti “Kau dan Aku” (1994), “Bahtera Madani” (2001), “Gapura Diri” (2002), “Zaman Baru” (2006) dan “Mahligai Kencana” (2009), “Suara dari Cikini” (2010), “Wak Long” (2012), “Suara Gunung Kehidupan” (2014), “Bicara Kasih” (2015), dan “Gelora Nurani” (2015).
3. Wayang dikatakan telah wujud sebelum kedatangan pengaruh Hindu lagi. Cerita dalam wayang kulit berasaskan cerita epi Ramayana dan persesembahannya tertumpu di kawasan negara India dan di Asia Tenggara. Di Malaysia, wayang kulit lebih mengkhusus kepada jenis wayang yang menggunakan perantara pemain daripada ukiran watak atas belulang dengan variasi persembahan yang berdasarkan pengolahan dan pengaruhnya; lalu kita kenal wayang kulit di Malaysia sebagai nama wayang kulit Kelantan, wayang kulit Jawa dan wayang Siam (Rahmah, 2007:139).

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah hasil penyelidikan daripada Geran Penyelidikan Fakulti (GPF002K-2018) pembiayaan dana Universiti Penyelidikan (RU) 2018, Universiti Malaya.

## RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (1975). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kementerian Belia dan Sukan.
- A. Aziz Deraman. (1989). *Dasar Kebudayaan Kebangsaan*. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.
- A. Aziz Deraman. (2005). *Asas pemikiran kebudayaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2012). *Kumpulan puisi Wak Long*. Minda.
- A. Aziz Deraman, A. Aziz Deraman, Abdul Hadi Yusoff, Muhamad Ikhram Fadly Hussin, Sharrul Rizal Hashim, & Wadi Leta S.A. (2016). *Antologi puisi bahtera peradaban*. Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN).
- A. Aziz Deraman dan Baharin Ilias. (2018). *Kelantan sejarah, adat dan warisan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- A. Aziz Deraman. (2015). *Kumpulan puisi bicara kasih*. Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN).
- A. Aziz Deraman. (2015). *Kumpulan puisi gelora nurani*. ITBM dan PENA.
- A. Aziz Deraman. (2014). *Kumpulan puisi suara gunung kehidupan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abham TR, Mazli Husma dan Mukhtar Mustafa. (Peny.). (2020). *Antologi puisi dialek Kelantan BBaghie*. Pustaka Dewan Puisi.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Angkatan Belia Islam (ABIM).
- Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan bahasa: Sejarah aksara jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmi Yusoff. (2014). *Kumpulan puisi sakar mawar*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).
- Dharmawijaya. (1988). *Berkenalan dengan puisi*. Penerbit Fajar Bakti.
- Ezani Haji Daud. (2016). *Di kala kejora berkata*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).
- Hashim Awang A.R. (1998). *Budaya dan kebudayaan: Teori, isu dan persoalan*. Citra Budaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koentjaraningrat. (1970). *Pengantar antropologi*. Pustaka Antara.

- Macionis, J. J., Gerber, L. M. (1999). *Sociology*, (3rd ed.). Pearson Education.
- Mazli Husma. (2005). *Daun Nan Sehelai*. Pustaka Dewan Puisi.
- Mohd. Aris Hj. Othman. (1983). *The dynamics of Malay identity*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimidin Zahari. (2014). *Kumpulan puisi laut tujuh gelombang buih*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).
- Rahmah Bujang. (2007). Fungsi komunikasi dan estetika dalam persembahan teater tradisional wayang kulit. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18 (135-156).
- Rahmah Bujang, (2007). *Wadah wahana seni persembahan*. Akademi Pengajian Melayu.
- Rahmah Bujang, Nor Azlin Hamidon. (2002). *Kesenian Melayu*. Akademi Pengajian Melayu.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff, W.R.. (1994). *The origins of Malay nationalism*. Oxford University Press.
- Rosli K. Matari. (2014). *Kumpulan puisi Anak Dusun*. GEMA.
- Taylor, E. B.. (1977). *Primitive culture: Researches into the development of mythology, philosophy, religion, language, art, and custom*. Gordon Press.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1996). Tradisi budaya Melayu menghadapi proses kemodenan. *Tradisi dan kemodenan*, Penerbit Universiti Sumatera Utara.
- Wanrazuhar. (2016). *Bicara di luar kamar*. Radzuan Ibrahim.
- Zainal Kling. (1985). Konsep kebudayaan kebangsaan Malaysia. Dalam Wan Abdul Kadir Wan Yusoff & Zainal Abidin Borhan. (Eds.), *Ideologi dan kebudayaan kebangsaan*. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.